

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(ATAS TALIAN)
SEMESTER II
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TUJUH (7)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

S1 Apakah kaedah penggambaran yang ditunjukkan seperti dalam Rajah S1



Rajah S1

- A *selfie shooting*
- B *vertical shooting*
- C *horizontal shooting*
- D *photography shooting*

S2 Berikut merupakan asas-asas utama dalam seni fotografi kecuali

- A imej
- B cahaya
- C subjek
- D kamera

S3 *Diperkenalkan pada 1987 oleh CompuServe. Menyokong format fail sehingga 8 bit per pixel atau 256 jenis warna*

Penyataan di atas menggambarkan jenis format pemampatan imej jenis


- A JPEG
- B TIFF
- C GIF
- D BMP

TERBUKA

- S4 En Jaafar merupakan juru foto rasmi UTHM. Beliau dikehendaki untuk mengambil foto bagi majlis perasmian penutupan UTHM Prihatin yang diadakan pada jam 2.30 petang di padang kawad UTHM. Untuk mendapatkan tahap kepekaan kepada cahaya yang baik semasa mengambil gambar, beliau perlu menetapkan tahap ISO pada kamera DSLR. Berapakah jumlah ISO yang sesuai untuk tujuan fotografi tersebut?
- A 400 (*fast*)
 - B 100 - 200 (*medium*)
 - C 1600 (*ultra-fast*)
 - D 3200 – 6400 (*supersonic*)
- S5 Proses merakam audio memerlukan proses yang teliti agar kualiti audio yang dihasilkan berada pada tahap yang baik. Pilih pernyataan yang betul tentang kaedah untuk mendapat kualiti audio yang baik
- I studio rakaman digunakan untuk merakam audio
 - II mikrofon *boya by-mm1* digunakan untuk merakam bunyi ke bentuk digital
 - III proses suntingan menggunakan perisian *sound forge* untuk membuang bunyi bising
 - IV audio jenis pita kaset digunakan untuk storan
- A I, II dan IV
 - B I, III dan IV
 - C I, II dan III
 - D I, II, III dan IV
- S6 Pernyataan berikut menyatakan maklumat tentang amplitud dalam gelombang audio kecuali
- A amplitud dan frekuensi merupakan faktor yang penting dalam gelombang audio
 - B semakin tinggi puncak gelombang audio, semakin tinggi bunyi yang dikeluarkan
 - C *pitch* merupakan jarak antara gelombang audio
 - D puncak amplitud mewakili *volume audio*

TERBUKA

- S7 Rajah S7 menunjukkan satu litar gelombang audio. Jelaskan nama jenis gelombang tersebut



Rajah S7

- A audio
 B gelombang analog digital
 C pengubah analog digital
 D frekuensi analog digital
- S8 Dalam sebuah lakonan drama, Cikgu Ali telah menggunakan tripod untuk merakamkan aksi seorang pelakon yang sedang berdiri laitu dari bahagian kakinya dan kemudian kamera tersebut digerakan secara perlahan ke bahagian muka pelakon tersebut. Apakah jenis pergerakan kamera yang digunakan oleh Cikgu Ali?
- A *Panning*
 B *Tilting*
 C *Dollying*
 D *Dilly*
- S9 Apakah maksud perspektif kamera dalam penggambaran sesebuah video?
- A Satu bahagian *shot* yang berlaku dengan mengubah jarak fokal lensa atau jarak subjek
 B Sebarang rakaman yang berkesinambungan dari kamera dimulakan (on) hingga ia diberhentikan (off)
 C Pengawalan terhadap kedudukan kamera dan perubahan jarak lensanya dengan menggunakan *zoom-in* dan *zoom-out*.
 D Pengawalan terhadap masa samada lama atau pun sebentar ketika rakaman sesebuah video
- S10 Antara berikut, jenis shot yang manakah kurang sesuai digunakan dalam sesi temuramah bagi menunjukkan tetamu yang ditemuramah?
- A *Medium shot*
 B *Long shot*
 C *Very extreme Close up*
 D *Over the shoulder*

TERBUKA

S11 Berikut adalah perisian yang boleh digunakan untuk suntingan video, kecuali

- A *Movie Maker*
- B *Apple iMovie*
- C *Avid FreeDV*
- D *Studio Max*

S12 Aplikasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi

- I Pemprosesan perkataan
 - II Perisian multimedia
 - III Pangkalan data
 - IV Halaman web
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S13 Berikut adalah jenis-jenis pengajaran dan pembelajaran menggunakan komputer kecuali

- A Permainan pendidikan
- B Pangkalan data
- C Latih tubi
- D Simulasi

S14 Ahmad ingin mengikuti kursus membangunkan poster secara dalam talian. Apakah bentuk pengajaran berbantuan komputer yang boleh membantu Ahmad mempelajari kemahiran tersebut?

- A Latihan bercorak latih tubi
- B Tutorial
- C Aktiviti penyelesaian masalah
- D Simulasi

S15 Pembelajaran Jarak Jauh (*Distance Learning*) memerlukan komponen utama seperti yang berikut kecuali

- A Internet
- B TV Pendidikan
- C *Learning Management System*
- D Gajet

TERBUKA

S16 Daripada senarai aplikasi di bawah, tentukan platform yang sesuai untuk Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)

- I *Schoology*
- II *Edmodo*
- III *Google classroom*
- IV *Padlet*

- A I dan II
- B I, II dan III
- C III dan IV
- D I, II, III dan IV

S17 Manakah antara berikut yang perlu diambil kira untuk melaksanakan *Virtual* atau *Candid Classroom*

- I bilangan pelajar
- II jenis penggunaan
- III pencahayaan bilik
- IV suhu bilik

- A I, II, dan III
- B I, III, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, III dan IV

S18 Perpustakaan digital mempunyai kemudahan seperti berikut kecuali

- I Gajet
- II Sistem Peminjaman Digital
- III Internet
- IV Pangkalan Data Rujukan

- A I, II, dan III
- B I, III, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, II, III dan IV

S19 Antara berikut yang manakah bukan perpustakaan digital di Malaysia

- A Perpustakaan Digital Penang
- B Perpustakaan Tunku Ahmad Sarji
- C Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM
- D Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM

TERBUKA

S20 Manakah antara berikut merupakan koleksi digital Perpustakaan Negara Malaysia

- I *Bername Library & Infolink Services*
 - II *Benchmarking Online Networking Database*
 - III *E-Summer*
 - IV *UN iLibrary*
-
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C II, III, dan IV
 - D I, III dan IV

BAHAGIAN B

- S21** (a) Proses untuk membuat rakaman video memerlukan perancangan yang terperinci agar video yang dibuat mencapai objektif yang ingin disampaikan. Berikan empat (4) jenis peralatan yang penting untuk proses rakaman video. (4 markah)
- (b) Penggambaran video yang baik mempunyai pelbagai jenis shot agar video yang dihasilkan dapat menarik perhatian penonton. Berikan tiga (3) jenis shot dan kegunaannya dalam penggambaran video. (6 markah)
- S22** (a) Komposisi dalam fotografi adalah penyusunan objek-objek yang hendak digambarkan. Sila nyatakan dua(2) jenis komposisi yang terlibat. (4 Markah)
- (b) Jelaskan penggunaan *shutter yang sesuai* untuk mengambil gambar di kawasan yang terlalu gelap dan di kawasan yang terlalu cerah beserta alasan bagi setiap jawapan yang diberikan (6 Markah)
- S23** (a) Nyatakan peringkat pembelajaran dalam Model Gagne. (4 markah)
- (b) Jelaskan aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam setiap peringkat pembelajaran dalam Model Gagne dengan memberi contoh yang bersesuaian. (6 Markah)

-SOALAN TAMAT-